

# Pas sanggup peralat rakan

UM 23 JAN 2002

**B** ANGI 22 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pas akan melakukan apa sahaja termasuk memperalatkan rakan seperjuangan dalam politik bagi melaksanakan agenda untuk mengukuhkan kepentingan politik mereka.

**Perdana.** Menteri berkata, Pas tidak pernah menunjukkan simpati terhadap orang

lain, termasuk pemimpin-pemimpin daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan), yang sepejuangan dengan mereka.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, para pemimpin parti itu akan melakukan apa sahaja apabila mendapat peluang untuk berbuat demikian.

“Memang kita tau (memperalatkan Keadilan), dia

(Pas) bukan ada simpati dengan pemimpin Keadilan, dia nampak ini ada peluang, dia buatlah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya ke 20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas pengakuan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa parti itu mem-

peralatkan Keadilan bagi melaksanakan agenda memperkukuhkan kepentingan politiknya.

## Dakwa

Bagaimanapun, Nik Aziz mendakwa selain Keadilan yang turut memperalatkan Pas, parti komponen Barisan Nasional (BN) saling memper-

# seperjuangan — PM

gunakan antara satu sama lain untuk mencapai cita-cita politik masing-masing.

“UMNO guna MCA dan MIC, kami pun pandai juga gunakan parti lain. Pas guna Keadilan, Keadilan gunakan Pas. Konsep Islam tidak melarang kita bergabung dengan orang lain dan sejak kami (Pas) masuk kerajaan campuran dulu lagikami jadikannya

sebagai asas perjuangan,” katanya.

**Perdana** Menteri berkata, tindakan kotor Pas itu turut digunakan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa beliau berada dalam UMNO satu ketika dahulu.

“Masa Anwar ada dalam UMNO dulu, orang Pas mula tuduh dia terlibat dalam kegiatan tak bermoral, tapi bila

dia (Pas) nampak dia boleh guna orang ini, dia gunalah,” katanya.

Ditanya sama ada tindakan Pas itu dapat memberi kesedaran kepada Keadilan dan satu tamparan hebat kepada parti itu, Dr. Mahathir berkata:

“Mereka yang sedar, sedarlah, yang tak mau sedar, tak mau sedar jugalah”.